



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk :

PECUTAN AKHIR RAMADAN

Tarikh Dibaca :

**20 RAMADAN 1443H/
22 APRIL 2022M**

Disediakan oleh :

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إِذْنَ كَمَا جَاءُوا إِسْلَامًا مُلْتَمِسِينَ
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PECUTAN AKHIR RAMADAN

20 RAMADAN 1443H / 22 APRIL 2022

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ، وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ، لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ، تَنَزَّلُ الْمَلَائِكَةُ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ، سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ .

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ . اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَىٰ نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَىٰ يَوْمِ الدِّينِ . أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ، اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ .

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dinaungi rahmat dan kasih sayang Allah SWT di dunia dan di akhirat. Pada hari yang penuh keberkatan ini, khutbah akan membicarakan tajuk: **“Pecutan Akhir Ramadan”**.

Sebelum itu, saya ingin mengingatkan agar kita terus melakukan kawalan sendiri dengan sebaiknya bagi mengelakkan terdedah kepada bahaya wabak penyakit kerana mencegah itu lebih baik daripada mengubati. Bersempena keberadaan kita dalam Bulan Ramadan ini, marilah kita mempertingkatkan amalan di samping bermunajat memohon kepada Allah SWT supaya kita semua dihindari daripada sebarang bahaya dan kemudaratan.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Hari ini, kita telah pun berada pada hari ke 20 Ramadan. Bererti berbaki lebih kurang 10 hari sahaja lagi Ramadan akan berlalu pergi meninggalkan kita. 10 terakhir Ramadan ini merupakan waktu untuk kita lebih kuat menggandakan usaha dan amalan kita dalam mendekati diri kepada Allah SWT. Imam al-Bukhari dan Imam Muslim merekodkan bahawa Saidatina A'isyah *radhiallahu anha* menceritakan perihal Nabi SAW apabila masuk pada sepuluh hari terakhir Bulan Ramadan, baginda akan mengetatkan ikatan kainnya untuk memberi fokus kepada ibadah malamnya dan mengejutkan juga ahli keluarganya untuk beribadah tidak seperti malam-malam yang lain.

Dalam hadis lain pula, Rasulullah SAW secara jelas menyeru kepada umatnya untuk berusaha mencari malam al-Qadr pada sepuluh malam terakhir melalui sabda baginda yang direkodkan oleh Imam al-Bukhari:

تَحَرَّوْا لَيْلَةَ الْقَدْرِ فِي الْعَشْرِ الْأَوَّلِ مِنْ رَمَضَانَ

Maksudnya: “Carilah malam al-Qadr pada sepuluh malam terakhir dari bulan Ramadan”.

Justeru, inilah peluang kita untuk merebut tawaran yang tidak terdapat dalam bulan-bulan lain. Alangkah ruginya jika kita boleh bangun pada waktu malam untuk urusan duniawi sedangkan kita melepaskan peluang untuk bersujud kepada Allah SWT.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Allah SWT sengaja menyembunyikan ilmu tentang waktu munculnya malam al-Qadr dari hamba-hamba-Nya supaya mereka memperbanyak amalan pada malam-malam yang penuh kemuliaan itu dengan solat, zikir dan doa. Selain itu, Allah SWT menyembunyikan pengetahuan tentang malam itu sebagai usaha untuk menguji mereka sehingga dapat diketahui siapa yang bersungguh-sungguh dan gigih dalam mencarinya dan siapa pula yang malas lagi mengabaikannya.

Kesempatan bertemu dengan sepuluh terakhir Ramadan perlu dimanfaatkan dengan sebaiknya dalam usaha membentuk diri menjadi mukmin yang soleh dan bertakwa. Bentuklah diri ke arah yang lebih baik dengan menunaikan ketaatan dan meninggalkan segala larangan-Nya. Allah SWT berfirman dalam Surah al-Ra'du ayat 11:

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنْفُسِهِمْ وَإِذَا أَرَادَ اللَّهُ بِقَوْمٍ سُوءًا فَلَا مَرَدَّ لَهُ وَمَا لَهُمْ مِّن دُونِهِ مِن وَالٍ ۝

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri. Dan apabila Allah menghendaki untuk menimpakan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapa pun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkan-Nya itu, dan tidak ada sesiapa pun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripada-Nya*”.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersempena dengan Bulan Ramadan yang mulia ini, saya menyeru kepada sidang Jemaah sekalian untuk meninggalkan segala perbuatan *mazmumah* dan sia-sia seperti mengumpat, marah, kedekut, membazir dan perkara-perkara yang memudaratkan seperti tabiat merokok. Semua orang tahu bahawa asap rokok mahupun wap rokok elektronik atau *vape* juga mencemarkan udara sekeliling dan meninggalkan kesan mudarat kepada mereka yang berada di sekelilingnya.

Para ulama’ muktabar terdahulu dan sekarang serta agensi berkaitan telah mengeluarkan hujah dan pandangan tentang pengharaman merokok berdasarkan dalil syar’i serta bukti perubatan yang saintifik menunjukkan merokok merupakan punca kepada pelbagai jenis penyakit yang boleh menyebabkan maut dan pelbagai penyakit kronik.

Atas matlamat ini, dalam meningkatkan kesedaran dan rasa tanggungjawab bagi memerangi masalah merokok di Malaysia, pada hari ini, Kerajaan melalui **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** dan **Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)** melancarkan **Program Perkhidmatan Berhenti Merokok mQuit**. Program ini menekankan matlamat *Generational End Game (GEG)* atau Generasi Penamat yang akan melarang aktiviti merokok dalam kalangan generasi muda iaitu mereka yang lahir pada tahun 2005. Kepada golongan yang sudah terjebak dengan tabiat merokok, mereka diseru untuk mengunjungi fasiliti kesihatan baik di sektor awam atau sektor swasta yang menawarkan perkhidmatan berhenti merokok.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Saya turut mengambil kesempatan untuk mengajak seluruh Jemaah mengambil cakna tentang nasib umat Islam di Palestin ketika ini terus diuji dengan keganasan dan kebiadaban zionis Yahudi dengan serangan terbaharu yang bukan sahaja mencemari Bulan Ramadan al-Mubarak, tetapi juga mencemari kesucian Masjidil Aqsa. Jumaat baru-baru ini sekali lagi merekodkan kebiadaban dan kekejaman zionis Yahudi yang memulakan serangan ke atas umat Islam di dalam Masjidil Aqsa. Mereka turut merosakkan Musolla al-Qibli yang berada di kawasan Masjidil Aqsa tersebut. Justeru, dalam kemuliaan Ramadan dan Hari Jumaat yang padanya ada waktu mustajab doa ini, dari lubuk hati yang dalam, saya menyeru seluruh umat Islam untuk memanjatkan doa kepada Allah SWT, sebagai senjata jarak jauh untuk membantu saudara-saudara kita di Palestin bagi menumpaskan zionis Yahudi dan menyelamatkan al-Aqsa.

Mudah-mudahan juga mereka terus tabah, sabar dan dipelihara oleh Allah SWT dari keganasan zionis Yahudi yang tidak berperikemanusiaan ini. Semoga Allah membuka pintu hati pemimpin-pemimpin umat Islam di seluruh dunia sehingga menemukan cara dan tindakan terbaik untuk menangani penindasan yang tidak henti-henti ke atas umat Islam Palestin.

Sebagai kesimpulannya, saya ingin meninggalkan beberapa pesanan kepada Jemaah sekalian:

Pertama: Rebutlah peluang keberadaan kita dalam sepuluh hari terakhir Ramadan untuk meningkatkan usaha melaksanakan amal ibadah sebanyak-banyaknya.

Kedua: Bersempena Bulan Ramadan al-Mubarak ini, tinggalkan perkara yang sia-sia dan membazir seperti tabiat merokok kerana ia bukan sahaja memudaratkan diri sendiri bahkan membahayakan orang di sekelilingnya juga.

Dan ketiga: Kesempatan berada dalam penghujung Ramadan perlu kita manfaatkan dengan mendoakan kesejahteraan dan keselamatan umat Islam di Palestin yang tidak henti-henti ditindas oleh zionis Yahudi.

Firman Allah SWT dalam Surah al-Baqarah ayat 195:

وَأَنْفِقُوا فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ١٩٥

Maksudnya: “Dan belanjakanlah (apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya”.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،
وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،
فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ
بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى

النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ
سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا
إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي
التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصِّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا
مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانَ عَبْدَ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى
بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قَدُوكْ بَكِينِدَا رَاجِ قُرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُكُو
حَاجِهِ عَزِيْزِهِ أَمِيْنِهِ مِيْمُونِهِ إِسْكَندَرِيْهِ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانَ
إِسْكَندَرَ الْحَاجِ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَءَهُ وَقَضَاتِهِ وَعَمَالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ
يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلٍ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُحَنِّ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu kepada-Mu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan selama ini. Hindarkanlah kami dari sebarang bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan yang berpanjangan. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang istiqamah mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ
 وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ١٠
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
 وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.